

# ISU-ISU PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA ORANG ISLAM DALAM KONTEKS PERUNDANGAN MALAYSIA.

Oleh: Tuan Haji Wan Abdul Halim bin Wan Harun  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

## 1. PENDAHULUAN

Pembahagian harta pusaka orang Islam di negara ini sebenarnya dibuat berlandaskan kepada hukum syarak, iaitu Hukum Faraid walaupun undang-undang utama yang diguna pakai ialah undang-undang sivil. Ini kerana undang-undang yang ada hanyalah untuk urusan pentadbiran semata-mata seperti tatacara momohon pembahagian, memproses permohonan, pembahagian bidangkuasa dan sebagainya. Pada peringkat penentuan waris, kadar bahagian masing-masing dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembahagian, semuanya tertakluk kepada hukum syarak. Contohnya peruntukan yang terdapat dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian ) 1955 (Akta 98). Seksyen 12(7) Akta 98 memperuntukkan bahawa pembahagian harta pusaka si mati hendaklah mengikut undang-undang terpakai kepadanya. Ini bermakna bagi orang Islam, pembahagian hartanya hendaklah mengikut Hukum Faraid.

Seksyen 12(7):

*“Pemungut hendaklah menentukan, dalam apa cara yang paling sesuai, undang-undang yang terpakai kepada penurunan harta pusaka si mati, dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer dan kepentingan masing-masing”.*

Di samping itu, sekiranya terdapat apa-apa persoalan berkaitan dengan hukum syarak, termasuk Hukum Faraid atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya seperti penentuan nasab, sah taraf anak, pengesahan wasiat, hibah dan sebagainya, pegawai yang membicarakan harta pusaka tersebut bolehlah

merujuk kepada pihak berkuasa agama di negeri masing-masing seperti diperuntukkan dalam seksyen 19(1) (a) Akta:

*“Jika soalan itu berkaitan dengan undang-undang Islam atau adat Melayu atau undang-undang anak watan atau adat Sabah atau Sarawak, merujuk perkara itu untuk mendapat keputusannya kepada pihak berkuasa negeri (Ruler of the state) di mana daerahnya terletak atau kepada mana-mana orang lain atau kumpulan orang sebagaimana yang diarahkan oleh Raja itu”*

## **2. BIDANGKUASA PENTADBIRAN HARTA PUSAKA**

Bidangkuasa pentadbiran harta pusaka diletakkan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan di bawah Perkara 4 (e) (i) yang menyebut “..... pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, **probet dan surat kuasa mentadbir pusaka....** “. Ini bermakna proses pembahagian dan pentadbiran harta pusaka terletak di bawah bidangkuasa agensi Persekutuan seperti Amanah Raya Berhad, Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian dan Mahkamah Tinggi. Dalam hubungan ini, terdapat satu kes berkaitan pusaka orang Islam yang menyatakan hal di atas, iaitu kes rayuan Jumaaton & Raja Delila v. Raja Hizaruddin. Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, telah mengatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa mengenai probet dan pentadbiran pusaka kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. (1998) 6 MLJ 556. Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa menguruskan kes-kes pembahagian dan pentadbiran harta pusaka. Tetapi Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa dalam menentukan siapa yang berhak mewarisi dan bahagian masing-masing yang dikeluarkan dalam bentuk ‘Sijil Faraid’.

## **3. INSTITUSI YANG MENGENDALIKAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN**

Urusan pembahagian harta pusaka di kendalikan oleh empat institusi yang telah ditetapkan bidang kuasa masing-masing.

### 3.1. AMANAH RAYA BERHAD (pusaka ringkas)

Mengendalikan harta si mati yang hanya meninggalkan harta alih sahaja dan nilainya tidak melebihi RM 600,000 berpandukan kepada Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad (Akta 532).

Contohnya: sekiranya si mati hanya meninggalkan wang simpanan di institusi kewangan (BSN, ASB, Tabung Haji, KWSP), kenderaan (kereta, motosikal), saham, dividen dan sebagainya.

### 3.2. SEKSYEN PEMBAHAGIAN PUSAKA/ PEJABAT TANAH (pusaka kecil)

Di peringkat negeri atau daerah dikenali sebagai Unit Pembahagian

Pusaka, mengendalikan harta si mati yang meninggalkan harta tak alih (tanah) sahaja atau harta tak alih beserta dengan harta alih seperti duit simpanan di bank dan sebagainya dan nilainya tidak melebihi RM 600,000 dan tidak berwasiat mengikut Akta Wasiat 1959. Undang-undang berkuatkuasa ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). (Pindaan nilai pusaka kecil kepada RM2,000,000 akan dikuatkuasakan tidak lama lagi).

Contohnya: si mati meninggalkan 2 bidang tanah sahaja atau meninggalkan 2 bidang tanah dan duit simpanan di Lembaga Tabung Haji.

### 3.3. MAHKAMAH TINGGI (pusaka besar)

Mengendalikan harta si mati yang meninggalkan sama ada harta tak alih (tanah) atau harta alih yang nilainya melebihi RM 600,000 atau harta berwasiat (bagi bukan Islam) walaupun nilainya kurang daripada RM 600,000. Mahkamah Tinggi juga mengendalikan kes-kes rayuan di bawah

Seksyen 29, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Undang-undang yang dipakai ialah Akta Probet Dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).

### 3.4 MAHKAMAH SYARIAH

Mengendalikan kes-kes penentuan waris dan bahagian setiap orang waris yang dikeluarkan dalam "Sijil Faraid". Ini berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri atau Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta505). Disamping itu Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa dalam hal berkaitan wasiat, hibah, wakaf, sah taraf anak, perkahwinan, harta sepencarian dan nasab yang mana semua ini mempunyai kaitan rapat bahkan keputusan Mahkamah Syariah berkaitan perkara-perkara di atas mempengaruhi pembahagian harta pusaka.

Sebenarnya urusan pembahagian harta pusaka tidaklah tertumpu kepada satu atau dua undang-undang sahaja tetapi mencakupi semua undang-undang dan hukum yang berkaitan dengannya. Misalnya bagi kes harta pusaka kecil, undang-undang utama ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) dan Peraturan-peraturan iaitu berkaitan dengan pentadbiran pusaka kecil seperti tatacara memohon, memproses, mengendalikan perbicaraan dan mengeluarkan perintah pembahagian termasuk lantikan pentadbir. Dalam siasatan untuk menentukan waris dan bahagian masing-masing, kemahiran dalam Hukum Faraid diperlukan termasuk mengendalikan kes-kes *munasakhat* (kematian berlapis) dan *takharuj* (menyerahkan hak kepada orang lain). Oleh kerana pusaka kecil wujud berasaskan kepada harta tak alih, semua undang-undang berkaitan dengan tanah mesti difahami oleh setiap Pegawai Pembahagian Pusaka selaku Pentadbir Tanah yang mengendalikan kes pembahagian pusaka, antaranya:

1. Kanun Tanah Negara 1965
2. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
3. Akta Hakmilik Strata.

4. Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri.
5. Akta Pengambilan Tanah 1960.

Di samping itu undang-undang sivil yang berkaitan juga menjadi rujukan antaranya:

1. Akta Keterangan, 1950 (disemak 1971)
2. Akta Tafsiran 1948 & 1967
3. Age of Majority Act 1971 (Act 21)
4. Guardianship of Infants Act 1961 (Act 351)
5. Akta Kontrek 1950
6. Trustee Act 1949 (Act 208)
7. Power of Attorney Ordinance 1949
8. Akta Surat Kuasa Wakil 1949 (Akta 424)

Manakala hukum syarak yang berkaitan pula antaranya:

1. Hukum faraid.
2. Hukum wasiat.
3. Hukum hibah.
4. Harta sepencarian.
5. Sah taraf anak/anak angkat.

Berdasarkan kepada undang-undang yang berkaitan dengan urusan pembahagian harta pusaka orang Islam seperti tersenarai di atas, dapatlah disimpulkan bahawa urusan pembahagian harta pusaka adalah kombinasi daripada undang-undang sivil dan undang-undang / hukum syarak. Pembahagian harta pusaka orang Islam sebenarnya merupakan perkongsian bidangkuasa antara Pentadbir Tanah dan Mahkamah Sivil di satu pihak dan Mahkamah Syariah di satu pihak lagi.

## **4. BAGAIMANA HARTA PUSAKA ORANG ISLAM DIBAHAGIKAN DI BAWAH AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 (AKTA 98).**

### **4.1. Penentuan waris dan bahagian**

Amalan yang ada sekarang, setiap permohonan untuk membahagikan harta pusaka tidak menghendakki disertakan dengan Sijil Faraid. Ini kerana Akta tersebut tidak memperuntukkan demikian. Seksyen 12(7) Akta hanya menyatakan "Pentadbir Tanah hendaklah menentukan, dalam cara yang paling sesuai, undang-undang yang terpakai kepada penurunan harta pusaka si mati, dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer dan kepentingan masing-masing". Oleh yang demikian penentuan waris dan bahagian masing-masing diputuskan oleh Pentadbir Tanah (Pegawai Pembahagian Pusaka) dalam siasatan waris ketika perbicaraan berdasarkan kepada Hukum Faraid.

Keadaan sebegini perlu diteruskan memandangkan tiada kesukaran dalam menentukan siapakah waris yang berhak dan dalam menentukan bahagian masing-masing. Contohnya ketika si mati meninggalkan hanya anak-anak, atau meninggalkan isteri dan anak-anak atau ibu bapa, isteri atau suami dan anak-anak. Sekiranya Sijil Faraid diperlukan setiap kali permohonan dikemukakan, bermakna setiap permohonan untuk membahagikan harta pusaka orang Islam di Unit Pembahagian Pusaka akan menempoh dua kali perbicaraan, pertama, perbicaraan untuk mendapatkan Sijil Faraid dan kedua, perbicaraan untuk membahagikan harta pusaka.

Walau bagaimana pun, sekiranya terdapat kesukaran, kekeliruan, bantahan atau untuk memuaskan hati pihak-pihak, waris akan diminta mendapatkan Sijil Faraid daripada Mahkamah Syariah. Contohnya sepertimana dalam kes berikut:

Si mati Kasim bin Selamat mati pada 1.2.2008.

- Waris:
1. Seorang isteri (Sabariah)
  2. Seorang anak perempuan (Siti)
  3. Seorang saudara seibu sebapa perempuan (Suraya)

4. Dua orang saudara sebapa lelaki (Osman dan Zailani)

Pentadbir Tanah memutuskan waris yang berhak dan bahagian masing-masing mengikut Hukum Faraid adalah seperti berikut:

			<b>8</b>
Sabariah	Isteri	1/8	1
Siti	Anak perempuan	1/2	4
Suraya	SIBP	Asabah	3
Osman	SBL	Gugur	0
Zailani	SBL	Gugur	0

Sekiranya Osman dan Zailani tidak berpuas hati kerana pada anggapan mereka mengatakan bahawa waris lelaki lebih berhak daripada perempuan, mereka bolehlah merujuk kepada Mahkamah Syariah untuk mendapatkan Sijil Faraid. Sekiranya tiada apa-apa bantahan daripada mana-mana pihak, pembahagian harta pusaka Kasim diteruskan.

#### **4.2. Penentuan status pemilikan harta si mati / sepercarian**

Sebelum pembahagian, setiap harta si mati akan ditentukan statusnya sebagai harta pusaka. Contohnya, sekiranya ada pihak yang menuntut bahagian harta sepercarian, harta si mati tidak akan dibahagikan sehinggalah keputusan mengenai tuntutan harta sepercarian diperolehi. Ini adalah bagi menentukan takat mana harta si mati yang boleh difaraidkan. Sekiranya bahagian harta sepercarian diluluskan sebanyak 1/3 bahagian, bermakna harta si mati yang akan difaraidkan hanya sebanyak 2/3 bahagian sahaja.

Demikian juga sekiranya terdapat tuntutan lain seperti jual beli, hibah dan sebagainya, akan diputuskan terlebih dahulu kerana sekiranya tuntutan yang dibuat oleh pembeli dibenarkan, harta tersebut menjadi milik pembeli dan tidak boleh difaraidkan.

Sekiranya timbul keraguan dalam menentukan mana-mana harta atau mana-mana waris si mati, Akta ini memperuntukkan pegawai yang menyelesaikan kes ini supaya menyelesaikan pertikaian berkaitan harta atau

waris tersebut terlebih dahulu sebagaimana di peruntukan dalam seksyen 14 Akta:

*“(1) Jika dalam perjalanan perbicaraan adalah diperakui oleh Pemungut adalah perlu atau dikehendaki bagi kepentingan keadilan bahawa apa-apa pertikaian kolateral diputuskan sebelum suatu perintah pembahagian dibuat, Pemungut boleh menangguhkan membuat apa-apa perintah pembahagian berkenaan dengan harta pusaka atau bahagian harta pusaka yang pada pendapatnya adalah atau mungkin terjejas secara langsung atau tidak langsung oleh penentuan pertikaian dan hendaklah sesudah itu menyebabkan pertikaian ditentukan mengikut seksyen ini.*

*(2) Bagi maksud seksyen ini suatu pertikaian kolateral ertinya suatu pertikaian samada-*

*(a) mana-mana harta alih atau tak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam mana-mana harta sedemikian membentuk bahagian harta pusaka si mati.*

*(b) mana-mana orang yang berhak menerima faedah kepada mana-mana harta alih atau tak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam apa-apa harta sedemikian yang si mati pada masa kematiannya memegang atau berhak untuk memegang sebagai seorang pemegang amanah dan tidak menerima faedah; “.*

#### **4.3. Peruntukan belanja pengebumian jenazah**

Belanja kematian adalah hak si mati yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Sebelum pembahagian akan diperuntukkan sebahagian daripada harta si mati untuk belanja pengebumian sekiranya ada tuntutan daripada mana-mana pihak. Sekiranya tidak berbangkit, tiada harta si mati yang diambil untuk belanja pengebumian.

#### **4.4. Penyelesaian hutang**

Hutang si mati wajib dijelaskan samada hutang kepada Allah atau hutang kepada manusia. Misalnya sekiranya si mati masih belum menunaikan fardu haji,

hutangnya kepada Allah mesti ditunaikan sekiranya beliau termasuk dalam golongan orang-orang yang berkuasa menunaikannya semasa hayatnya. Demikian juga wajib ke atas waris-waris menunaikan hutang si mati kepada manusia.

Seksyen 13 (1) Akta memperuntukkan:

*“Di akhir perbicaraan Pemungut hendaklah melalui perintahnya membuat peruntukkan bagi pembayaran daripada harta pusaka bagi duti estet, jika ada, dan perbelanjaan pengebumian dan hutang-hutang si mati sekiranya berbangkit ...”*

#### **4.5. Pelaksanaan wasiat**

Sekiranya si mati meninggalkan wasiat, akan ditunaikan terlebih dahulu sekiranya wasiat tersebut sah mengikut hukum syarak iaitu antaranya tidak diwasiatkan kepada waris yang berhak menerima pusaka dan harta yang diwasiatkan itu tidak lebih 1/3 daripada keseluruhan harta si mati. Sekiranya wasiat tersebut tidak menepati kehendak syarak, ianya boleh dilaksanakan juga setelah mendapat persetujuan daripada kesemua waris yang berhak mewarisi. Sekiranya semua waris menyetujui wasiat si mati, pembahagian diteruskan.

#### **4.6. Pembahagian**

Di akhir perbicaraan, setelah bahagian waris-waris diketahui dan dilaksanakan hak-hak si mati, harta pusaka tersebut dibahagikan kepada waris-waris berpandukan kepada Hukum Faraid.

Untuk merealisasikan konsep takharuj, pembahagian mengikut pakatan / persetujuan waris-waris, tolak ansur dan sebagainya, akta ini telah memperuntukkan bahawa pegawai yang mengendalikan kes pusaka ini boleh membenarkan pembahagian dibuat secara pakatan sekiranya dipersetujui oleh semua waris. Bahkan pegawai tersebut digalakkan supaya mengambil perhatian atau mengingatkan waris-waris supaya tidak memiliki sesuatu hartanah itu dengan cara berkongsi. Dengan kata lain, konsep takharuj adalah digalakkan samada penyerahan hak seseorang itu dibuat secara sukarela tanpa balasan

atau dengan bayaran yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkenaan. Ini diperuntukkan dalam Akta di bawah seksyen 15 yang antara lain menyatakan:

*“(1) Jika Pemungut berpuas hati bahawa semua benefisiari harta pusaka yang telah cukup umur dan berkeupayaan telah bersetuju antara mereka kepada cara di mana harta pusaka patut dibahagikan, Pemungut boleh, selepas merekodkan dalam perintah pembahagian terma-terma persetujuan; dan persetujuan pihak-pihaknya, membahagikan harta pusaka dalam cara yang diperuntukan oleh persetujuan melainkan ia adalah jelas kepada Pemungut adalah tidak adil dan tidak saksama untuk berbuat demikian.”*

*(2) ...*

*(3) Jika dua atau lebih benefisiari berhak kepada bahagian dalam mana-mana tanah yang terkandung dalam harta pusaka Pemungut boleh, atas budibicaranya, mengambil perhatian kepada kepentingan orang yang berkenaan dan kepentingan pembangunan tanah dengan baik-*

*(a) menguntukkan lot-lot berasingan kepada benefisiari-benefisiari individu;*

*(b) ...*

Bagi mengelakkan pemecahan tanah kepada pemilikan yang kecil atau dengan jumlah pemilik yang ramai ke atas sebidang tanah, Akta Pusaka Kecil seterusnya memperuntukkan pegawai yang membicarakan kes pusaka tersebut, boleh dengan budibicaranya mencadangkan tanah tersebut dijual atau ditender di kalangan waris-waris atau sebagainya. Duit hasil jualan tanah tersebut dibahagikan kepada waris-waris berdasarkan bahagian yang diperolehi mengikut Hukum Faraid.

Seksyen 15 (c) dan (d) memperuntukkan:

*“(c) boleh memerintahkan tanah itu atau mana-mana bahagiannya dijual dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan; atau*

*(d) boleh memerintahkan tanah itu atau mana-mana bahagiannya dijual dengan cara tender di antara benefisiari-benefisiari dengan*

*apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan, tetapi tertakluk kepada harga rizab yang ditentukan oleh pemungut yang tidak boleh kurang daripada nilai pasaran tanah itu, atau bahagian tanah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada tarikh tender itu“.*

## **5. ISU DAN MASALAH**

Dalam melaksanakan pembahagian harta pusaka di kalangan orang Islam, terdapat beberapa persoalan berkaitan bidangkuasa, ketiadaan statut, ketidakseragaman undang-undang dan tatacara yang perlu dibincang dan difikirkan bersama untuk kebaikan masyarakat Islam umumnya. Semoga jalan penyelesaiannya dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam.

### **5.1. MASALAH BIDANGKUASA**

Apabila berlaku kematian, ada kalangan waris menjadi keliru, di mana harta pusaka boleh diselesaikan. Persoalan yang selalu diajukan ialah samada ke Amanah Raya, Unit Pembahagian Pusaka / Pejabat Tanah, Mahkamah Syariah atau Mahkamah Tinggi. Ini kerana keempat-empat institusi tersebut mempunyai hubungkait dengan urusan pembahagian harta pusaka dan mereka tidak dapat memahami tentang bidangkuasa setiap institusi tersebut sehinggalah diberi penerangan yang sewajarnya. Institusi yang berlainan yang menguruskan pembahagian harta pusaka ini menimbulkan kecelaruan dan kesukaran kepada waris-waris. Ini terbukti dalam sungutan waris-waris ketika berurusan di kaunter Unit-unit Pembahagian Pusaka seluruh negara.

Pusaka kecil hanya berupaya menyelesaikan harta pusaka yang bernilai tidak lebih daripada RM600,000. Apabila sesuatu permohonan dibuat di Unit Pembahagian Pusaka, semua harta si mati akan dinilai dan sekiranya nilai keseluruhan harta tersebut melebihi RM600,000 permohonan itu akan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Sivil. Waris-waris sekali lagi dikehendakki membuat permohonan baru mengikut kaedah mahkamah.

Sekiranya si mati meninggalkan harta alih seperti kenderaan atau wang simpanan di mana-mana institusi kewangan dan harta tak alih seperti rumah atau tanah pertanian, sepatutnya urusan pembahagian harta tersebut dibuat di Unit Pembahagian Pusaka atau Pejabat Tanah. Bagaimana pun kadangkala sebahagian daripada waris telah memohon untuk membahagikan harta alih di Amanah Raya Berhad dan kemudiannya memohon untuk membahagikan harta tak alih di Pejabat Tanah mengikut bidangkuasa yang ada. Waris akan menghadapi kesukaran kerana terpaksa membuat dua kali permohonan di tempat yang berlainan.

Mengikut amalan yang ada sekarang, apabila permohonan dibuat di Amanah Raya Berhad atau Mahkamah Tinggi dan sebahagian Pejabat Tanah atau Unit Pembahagian Pusaka, bagi kes kematian orang Islam, Sijil Faraid diperlukan untuk dilampirkan bersama. Untuk mendapatkan Sijil Faraid, waris-waris dikehendakki membuat permohonan di Mahkamah Syariah. Permohonan tersebut didengar dalam satu perbicaraan bagi menentukan waris-waris yang berhak mewarisi dan bahagian masing-masing. Keputusan Mahkamah Syariah dikeluarkan dalam bentuk 'Sijil Faraid'. Amanah Raya, Unit Pembahagian Pusaka atau Mahkamah Tinggi setelah memproses permohonan tersebut, akan memanggil semua waris-waris untuk pembahagian samada mengikut faraid, pakatan atau *takharuj* dengan mengambil kira perkara lain yang bersangkutan seperti tuntutan jual beli, gadaian, sekatan kepentingan tanah dan sebagainya. Ini bermakna, bagi orang Islam terpaksa menghadiri dua perbicaraan bagi menyelesaikan pusaka berbanding pusaka bukan Islam.

Bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan wasiat, hibah atau harta sepencarian, sekiranya dalam perbicaraan di Unit Pembahagian Pusaka tidak mendapat persetujuan daripada semua waris atau jika terdapat pertikaian, pembahagian ditangguhkan dan pihak yang menuntut diminta supaya membawa tuntutan wasiat, hibah atau tuntutan harta sepencarian ke Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah yang mempunyai bidangkuasa mendengar tuntutan-tuntutan itu pula menjalankan perbicaraan untuk diputuskan. Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembahagian

Pusaka dan perintah pembahagian dikeluarkan setelah waris-waris menghadiri satu lagi perbicaraan.

**Contoh perjalanan kes pembahagian pusaka melibatkan tuntutan wasiat ditunjukkan seperti di bawah:**

Fakta kes:

Si mati Kasim bin Selamat mati pada 1.2.2008.

Waris: 1. Seorang isteri (Sabariah)

2. Seorang anak perempuan (Siti)

3. Seorang saudara seibu sebapa perempuan (Suraya)

4. Dua orang saudara sebapa lelaki (Osman dan Zailani)

Harta: sebidang tanah kebun kelapa sawit seluas 10 ekar bernilai RM200,000.

Kasim ada membuat surat wasiat yang mengatakan sekiranya beliau meninggal dunia,  $\frac{1}{2}$  daripada tanah tersebut diberikan kepada anak perempuannya dan  $\frac{1}{2}$  lagi diberikan kepada dua orang saudara lelakinya iaitu Osman dan Zailani.

Kes pembahagian pusaka berwasiat bagi harta orang Islam adalah di bawah bidang kuasa Unit Pembahagian Pusaka. Perbicaraan dijalankan untuk mendapat maklumat tentang waris si mati. Penentuan waris dan bahagian masing-masing mengikut Hukum Faraid adalah seperti berikut:

			<b>8</b>	<b>10 ekar</b>
Sabariah	Isteri	1/8	1	1.25 ekar
Siti	Anak perempuan	1/2	4	5 ekar
Suraya	SIBP	Asabah	3	3.75 ekar
Osman	SBL	Gugur	0	0
Zailani	SBL	Gugur	0	0

Sekiranya tuntutan wasiat dibuat oleh Osman dan Zailani, iaitu ke atas  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada harta si mati iaitu tanah seluas 5 ekar, ketiga-tiga orang waris yang berhak menerima pusaka akan diminta memberi persetujuan. Sekiranya mereka bersetuju, pembahagian diputuskan seperti berikut:

			<b>4</b>	<b>16</b>	<b>10 ekar</b>
Sabariah	Isteri	} 1/2		1	0.625 ekar
Siti	Anak perempuan		2	4	2.5 ekar
Suraya	SIBP		3		1.875 ekar
Osman	SBL	} 1/2	1	4	2.5 ekar
Zailani	SBL		1	4	2.5 ekar

Sekiranya waris-warid tidak bersetuju dengan wasiat tersebut, wasiat yang diluluskan kepada Osman dan Zailani setakat 1/3 daripada harta mengikut hukum syarak iaitu sebanyak seluas 3.33 ekar sahaja. Sekiranya kedua-dua mereka bersetuju, pembahagian diputuskan seperti berikut:

			<b>3</b>	<b>12</b>	<b>10 ekar</b>
Sabariah	Isteri	} 2/3	} 2	1	0.83 ekar
Siti	Anak perempuan			4	3.33 ekar
Suraya	SIBP			3	2.50 ekar
Osman	SBL	} 1/3	} 1	2	1.67 ekar
Zailani	SBL			2	1.67 ekar

Sekiranya Osman dan Zailani tidak berpuas hati dengan kadar 1/3 bahagian, atau ada pihak yang membantah wasiat tersebut, pembahagian di Unit Pembahagian Pusaka ditangguhkan dan pihak yang menuntut diminta mendapatkan pengesahan wasiat di Mahkamah Syariah. Perbicaraan di Unit Pembahagian Pusaka disambong semula setelah waris-warid mengemukakan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Kesimpulannya, penyelesaian harta pusaka orang Islam menjadi sukar kerana terpaksa berurusan dengan lebih daripada satu institusi.

## **5.2. KEKANGAN STATUT**

### **5.2.1. Hukum Faraid**

Undang-undang utama yang boleh dijadikan panduan untuk membahagikan harta pusaka orang Islam ialah Hukum Faraid. Malangnya sehingga kini belum ada satu statut khusus berkaitan pusaka orang Islam di Malaysia. Pegawai Pembahagian Pusaka dalam menguruskan pembahagian harta pusaka orang Islam, hanya merujuk kepada kitab-kitab faraid, disamping menghadiri kursus asas dan pembelajaran secara tidak formal. Hanya pengalaman dalam jawatan tertutup (close service) membolehkan tumpuan yang lebih diberikan kepada memahami Hukum Faraid lebih mendalam. Manakala hakim-hakim Mahkamah Syariah pula ketika mengeluarkan Sijil Faraid akan menghadapi situasi perbezaan pendapat di kalangan mazhab dalam beberapa isu pewarisan seperti pewarisan mengikut kaedah '*Rad*', pewarisan oleh waris '*Dhawi al-Arham*', kaedah pembahagian '*Muqasamah*' dan sebagainya.

Amalan yang ada sekarang ini, lebih menjurus kepada pendapat Zaid bin Thabit r.a., yang diterima pakai oleh Imam Syafie iaitu sekiranya si mati hanya meninggalkan seorang anak perempuan tanpa waris lain, harta tersebut akan diwarisi oleh anak perempuan tersebut setakat  $\frac{1}{2}$  bahagian sahaja manakala  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi dipulangkan kepada Baitulmal. Bagaimana pun persoalan timbul bolehkah jika hakim yang mengeluarkan Sijil Faraid atau Pegawai Pembahagian Pusaka selaku Pentadbir Tanah berpendapat kaedah *Rad* digunakan mengikut pendapat ulama mutaakhirin dalam mazhab Syafie atau mengikut pendapat Mazhab Hanafi dan Hanbali.<sup>1</sup> Mengikut hukum *Rad*,  $\frac{1}{2}$  bahagian diberikan kepada seorang anak perempuan sebagai bahagian fardu yang wajib diterimanya manakala bakinya  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi diberikan kepada anak perempuan tersebut secara *Rad*. Ini bermakna anak perempuan akan mendapat kesemua harta pusaka tersebut dan tiada bahagian untuk Baitulmal. Sekiranya keadaan ini berlaku, pembahagian harta pusaka orang Islam akan menjadi rumit dan bercelaru.

Dalam kes pewarisan datuk bersama saudara si mati, terdapat tiga pendapat yang berlainan iaitu:

Pertama: Pendapat Sayidina Abu Bakar r.a. dan Mazhab Hanafi, datuk menduduki tempat bapa dan melindungi saudara si mati. Sekiranya si mati

meninggalkan datuk dan adik beradik si mati, datuk mendapat asabah dan adik beradik terdinding.

Kedua: Pendapat Sayidina Ali dan Ibnu Mas'ud, datuk tidak mendindingkan saudara seibu sebapa dan saudara sebapa. Mereka tertakluk kepada kaedah pembahagian *Muqasamah*. Tetapi dalam kes *Muadah*, saudara sebapa tidak mengurangkan bahagian datuk.

Ketiga: Pendapat Zaid bin Thabit r.a. dan jumhur ulama termasuk Mazhab Syafi'e, seperti pendapat kedua, tetapi dalam kes *Muadah* saudara sebapa mengurangkan bahagian datuk. Contoh pembahagian ketiga-tiga pendapat di atas ditunjukkan seperti di bawah:

Pendapat pertama:

Datuk	Asabah (semua)
Saudara seibu sebapa lelaki	Terdinding
Saudara sebapa lelaki	Terdinding

Pendapat kedua:

Datuk	1/2
Saudara seibu sebapa lelaki	1/2
Saudara sebapa lelaki	Terdinding

Pendapat ketiga:

Datuk	1/3
Saudara seibu sebapa lelaki	2/3
Saudara sebapa lelaki	Terdinding

Pada pandangan saya, amalan hari ini pendapat ketiga diterima pakai seperti mana terdapat di dalam sistem faraid berkoputer yang dibangunkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dan e-Syariah. Persoalannya, bagaimana sekiranya ada di kalangan pegawai di Unit Pembahagian Pusaka dan Hakim Mahkamah Syariah yang mengeluarkan perintah mengikut pendapat pertama atau kedua? Apakah ada undang-undang yang akan menghalang mereka

daripada berbuat demikian?. Tanpa undang-undang khusus tentang Hukum Faraid akan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam dalam menentukan waris yang berhak mewarisi.

### **5.2.2. Hukum Hibah**

Dalam keghairahan masyarakat masa kini yang cuba untuk mencari kaedah alternatif agihan harta melalui hukum hibah telah menyebabkan timbul kekeliruan dalam pembahagian harta pusaka bagi orang Islam. Mungkin juga kerana ketiadaan satu undang-undang berkaitan hibah yang boleh dijadikan panduan oleh waris-waris yang beragama Islam. Maka timbullah apa yang dikatakan dokumen 'Perisytiharan hibah' dan 'Amanah Hibah'. Bahkan ada yang membuat hibah bersyarat seperti '*Umra*' dan '*Ruqba*' sedangkan di dalam Mazhab Syafie dan pendapat jumbuh fuqaha', hibah tersebut sah tetapi syaratnya tidak terpakai. Bagaimana pun mereka mungkin berpegang kepada pendapat Imam Malik dan mazhab Maliki bahawa *Umra* dan syaratnya adalah harus manakala mengikut az-Zuhri dan Imam Malik, *Ruqba* adalah sah sebagai wasiat bukan sebagai hibah.<sup>2</sup> Oleh kerana bentuk hibah yang dilakukan ini tidak disertai dengan urusan pindah milik atau pertukaran nama di dalam hakmilik, apabila berlaku kematian, sebelum harta pusaka difaraidkan, persoalan mengenai hibah perlu diselesaikan terlebih dahulu. Tiada undang-undang yang dapat dijadikan panduan dalam masalah ini. Oleh itu bagi menyelesaikannya, perbincangan harta pusaka ditangguhkan dan waris-waris diminta mendapatkan pengesahan hibah daripada Mahkamah Syariah. Setelah keputusan mengenai hibah tersebut diperolehi, waris-waris sekali lagi akan datang ke Unit Pembahagian Pusaka untuk mendapatkan perintah pembahagian seterusnya. Walaupun Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa memutuskan persoalan tersebut mengikut hukum syarak, pendapat siapa yang perlu diikuti adalah menjadi persoalan.

### **5.2.3. Kaedah Tuntutan Harta Sepencarian**

Sebelum harta pusaka dibahagikan di Unit Pembahagian Pusaka, masalah harta sepencarian mesti diselesaikan terlebih dahulu jika ada tuntutan. Iaitu bagi menentukan bahagian pasangan yang membuat tuntutan tersebut. Sehingga kini masih belum ada garis panduan yang boleh dijadikan asas untuk menerima atau menolak tuntutan sepencarian ketika perbicaraan harta pusaka dijalankan. Selalunya apabila tuntutan sepencarian dibangkitkan dalam perbicaraan harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka, waris-waris akan diminta persetujuan dengan tuntutan tersebut. Sekiranya bersetuju, pembahagian pusaka diteruskan. Sekiranya tidak bersetuju, perbicaraan pusaka ditangguhkan dan pihak yang menuntut diminta membawa tuntutan ke Mahkamah Syariah. Setelah keputusan mengenai harta sepencarian diperolehi, sekali lagi waris-waris akan datang ke Unit Pembahagian Pusaka untuk pembahagian.

Adalah mendukacitakan apabila pihak yang menuntut harta sepencarian mengemukakan perintah membenarkan tuntutan harta sepencarian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sedangkan harta pusaka tersebut telah pun selesai dibahagikan kepada waris-waris di Unit Pembahagian Pusaka. Dalam keadaan ini, waris diminta memohon satu perintah daripada Mahkamah Tinggi Sivil membatalkan perintah yang dibuat oleh Pentadbir Tanah untuk dibicarakan semula. Setelah Mahkamah Tinggi membenarkan, Pentadbir Tanah akan membicarakan kes tersebut buat kali kedua dengan mengambil kira perintah harta sepencarian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Apa yang ingin saya kemukakan disini, dalam kes seperti ini nampaknya tiga agensi yang akan terlibat dalam satu kes pusaka.

### **5.3. TIADA PELARASAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG**

#### **5.3.1. WASIAT**

Enakmen wasiat telah digubal bagi membolehkan rujukan dibuat berkaitan hukum berwasiat. Bagaimana pun hanya tiga buah negeri sahaja yang menggubal

enakmen tersebut iaitu negeri Selangor (Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 – Enakmen No. 4 tahun 1999), negeri Melaka (Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 – Enakmen 4 tahun 2005) dan Negeri Sembilan (Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 – Enakmen 5 tahun 2004).

Masalah berbangkit daripada pemakaian enakmen tersebut ialah beberapa peruntukan yang ada di dalamnya tidak terdapat di dalam hukum wasiat mengikut Mazhab Syafie yang diamalkan di negeri-negeri yang tidak mempunyai enakmen tersebut. Akibatnya sijil faraid yang dikeluarkan oleh negeri yang mempunyai enakmen wasiat tidak boleh dilaksanakan dinegeri yang tidak mempunyai enakmen tersebut.

#### **5.3.1.1 SEKSYEN 27**

Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 memberi peruntukan kepada '**Wasiat Wajibah**' seperti berikut:

*27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.*

*(2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:*

*Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.*

Contohnya, jika seorang mati meninggalkan dua anak lelaki dan seorang anak perempuan yang masih hidup dan ada seorang anak lelaki yang mati dahulu. Anak yang mati dahulu ada meninggalkan dua orang anak lelaki. Sijil Faraid yang dikeluarkan mengikut Wasiat Wajibah seperti berikut:

Anak lelaki 1	$2/7$
Anak lelaki 2	$2/7$
Anak perempuan	$1/7$
Cucu lelaki 1	$1/7$
Cucu lelaki 2	$1/7$

Kedua-dua cucu lelaki daripada anak lelaki yang mati dahulu mendapat pusaka seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 27 (2) Enakmen tersebut. Kekeliruan di kalangan masyarakat akan berlaku apabila Sijil Faraid tersebut dibawa untuk penyelesaian pusaka ke negeri yang tidak mempunyai enakmen tersebut kerana Hukum Faraid mengikut mazhab Syafie yang diamalkan di negara ini mengikut kitab-kitab fikah adalah seperti berikut:

Anak lelaki 1	$2/5$
Anak lelaki 2	$2/5$
Anak perempuan	$1/5$
Cucu lelaki 1	0
Cucu lelaki 2	0

Cucu lelaki tidak mendapat apa-apa kerana terdinding oleh anak lelaki. Akibatnya menampakkan seolah-olah pembahagian ke atas harta pusaka orang Islam tidak selaras dan masyarakat akan menjadi keliru.

#### **5.3.1.2. SEKSYEN 26 (2)**

Seksyen 26 (2) pula memperuntukkan seperti berikut:

- (1) *Jika sesuatu wasiat dibuat kepada seseorang yang bukan waris atas kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat selepas diselesaikan segala hutangnya, wasiat tersebut hendaklah berkuat kuasa tanpa perlu mendapat apa-apa persetujuan wairis-warisnya.*
  
- (2) *Sesuatu wasiat yang dibuat kepada **seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga**, hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.*

Apa yang dapat ditafsirkan daripada peruntukan seksyen 26 (2) di atas ialah boleh berwasiat kepada waris yang berhak menerima pusaka tidak melebihi 1/3 daripada harta, dan sekiranya lebih daripada 1/3 hendaklah mendapat persetujuan daripada semua waris-waris.

Peruntukan ini saya kira agak bertentangan dengan hukum wasiat yang diamalkan mengikut kitab-kitab fikah mazhab Syafie yang berpandukan kepada sebuah hadis yang berbunyi:

إن الله عزوجل قد أعطى كل ذي حق حقه ألا لا وصية لوارث

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah telah memberikan kepada setiap orang yang berhak itu hak masing-masing, **kerana itu tiada wasiat kepada waris yang berhak.***<sup>3</sup>

Kemungkinan berlaku kesilapan atau ketinggalan dua perkataan ketika enakmen tersebut disediakan iaitu mungkin ayat yang sebenarnya seperti berikut:

- (2) *Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang **yang bukan** waris atas kadar yang melebihi satu pertiga, hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.*

Jika benar berlaku kesilapan, maka ayat tersebut perlu dibaiki segera dan sesuailah dengan hukum wasiat yang diamalkan mengikut mazhab Syafie. Sekiranya tidak berlaku kesilapan dan sememangnya diperuntukkan begitu, akan timbullah konflik dalam melaksanakan wasiat yang dibuat oleh seseorang antara negeri yang mempunyai enakmen wasiat dengan negeri-negeri lain atau antara tuan guru yang mengajar hukum wasiat di masjid dan sebagainya dengan amalan mengikut undang-undang yang diguna pakai di Mahkamah Syariah.

### **5.3.2. ANGGAPAN KEMATIAN**

Setiap permohonan untuk membahagikan harta pusaka hendaklah disertakan dengan bukti kematian. Bukti bagi kematian hakiki ialah sijil kematian manakala bukti kematian bagi seseorang yang hilang (*Ma'qud*) ialah satu perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah menganggap seseorang yang hilang itu telah mati dan dikenali sebagai 'Perintah Anggapan Kematian'.

Unit Pembahagian Pusaka dalam menyelesaikan harta orang Islam yang hilang akan hanya menerima anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi mengikut Seksyen 108 Akta Keterangan 1950 (disemak 1971). Akta ini memperuntukkan bahawa seseorang itu boleh dianggap sebagai mati setelah tidak didengar berita tentang diri orang yang hilang itu selama **tujuh tahun** oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar beritanya sekiranya dia masih hidup.

Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri juga ada memperuntukkan tentang anggapan kematian seperti Seksyen 53, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Kaedah-Kaedah 1987, Seksyen 50, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, dan Seksyen 41, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983.

Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan memperuntukkan tempoh minimum seseorang itu boleh memohon anggapan kematian hanya setelah **4 tahun** kehilangannya sementara negeri Terengganu dan Kelantan memberi tempoh minimum **7 tahun**.

Apa yang menjadi persoalan, anggapan kematian yang dikeluarkan oleh hakim Mahkamah Syariah di bawah Undang-undang Keluarga Islam adalah bagi maksud membolehkan isteri orang yang hilang itu berkahwin lain. Bahkan Undang-Undang Keluarga Islam ini memasukkan peruntukan mengetepikan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil. Dengan kata lain hanya anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Syariah sahaja yang diterima pakai oleh kadi untuk membolehkan isteri orang hilang berkahwin lain tetapi tidak bagi maksud pembahagian pusaka.

Sebagai contoh, Seksyen 53, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan:

*53. (1) Jika suami seseorang perempuan telah mati, dipercayai telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, **bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula**, dianggap mengikut hukum syarak sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, atau Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi Wilayah Persekutuan Labuan, tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar, mengeluarkan, dalam borang yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut Akta ini.*

(2)

*(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) **walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.***<sup>4</sup>

Soalnya apakah anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah tidak boleh digunakan sebagai bukti kematian bagi maksud pembahagian harta pusaka seorang Islam dan anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh digunakan bagi maksud perkahwinan. Jika tidak boleh digunakan bermakna bagi seorang yang hilang itu perlu mendapat dua anggapan kematian. Satu, anggapan kematian yang dipohon oleh isteri orang yang hilang kepada Mahkamah Syariah bagi membolehkannya berkahwin lagi. Dua, anggapan kematian yang dipohon oleh isteri atau waris-waris orang yang hilang itu kepada Mahkamah Tinggi Sivil bagi membolehkan mereka membahagikan harta pusaka orang yang hilang itu.

Apa pun peruntukan dalam undang-undang, apabila seseorang itu dihukumkan telah mati (dianggap mati), ia sepatutnya merangkumi kedua-dua aspek perkahwinan dan pusaka, kerana apabila seseorang itu meninggal dunia, secara automatik terputuslah hubungan perkahwinannya dan serentak dengan itu hartanya terus menjadi harta pusaka.<sup>5</sup>

### **5.3. SEKATAN PEMILIKAN KE ATAS TANAH OLEH UNDANG-UNDANG**

Di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah meluluskan satu akta yang dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960, Akta no. 13 Tahun 1960 (GSA). Tanah yang terlibat dengan akta ini ialah tanah-tanah Rancangan FELDA, FELCRA dan Rancangan Tanah Pinggir. Masalah yang berbangkit daripada akta ini ialah peruntukan Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 (Pindaan) 2002 yang tidak membenarkan tanah-tanah tersebut dimiliki oleh lebih daripada dua orang pemilik.

Mengikut Hukum Faraid, setiap harta seseorang yang mati adalah menjadi harta pusaka. Demikian juga harta seorang peneroka FELDA yang meninggal dunia. Walaupun hak waris-waris tidak dinafikan untuk mewarisi tanah rancangan tersebut, undang-undang GSA menegah daripada nama-nama waris

didaftarkan di dalam hakmilik tanah kecuali dua nama sahaja. Apa yang berlaku dalam pembahagian tanah GSA ketika ini, sekiranya si mati meninggalkan seorang isteri dan 5 orang anak, dua lelaki dan satu perempuan dan mereka menuntut bahagian masing-masing mengikut Hukum Faraid, pegawai Unit Pembahagian Pusaka selaku Pentadbir Tanah akan melantik sekurang-kurangnya seorang 'pentadbir' untuk didaftarkan di dalam geran tanah. Tugas pentadbir ialah menguruskan ladang dan membahagikan hasilnya kepada waris-waris mengikut faraid atau sebagaimana dipersetujui oleh waris-waris. Mengikut Hukum Faraid bahagian waris-waris seperti berikut:

		8	40	<b>RM5,000</b>
Isteri	1/8	1	5	RM 625
Anak lelaki 1	} Asabah	} 7	14	RM1,750
Anak lelaki 2			14	RM1,750
Anak perempuan			7	RM 875

Sekiranya diandaikan hasil yang diperolehi daripada penjualan buah kelapa sawit sebanyak RM5,000 sebulan, masing-masing akan memperolehi bahagian seperti pengiraan di atas.

Masa berlalu dan berlaku kematian kepada anak lelaki pertama yang meninggalkan seorang isteri dan lima orang anak, 3 lelaki dan 2 perempuan. Generasi ketiga ini juga berhak mewarisi harta bapa mereka. Sekiranya dikira mengikut kaedah *Munasakhat*, waris-waris yang berhak ke atas tanah FELDA ini seperti berikut:

	96		7		
	40		192	3840	<b>RM5,000</b>
Isteri	5	Ibu	32	480+224	RM916.67
Anak lelaki 1	14	Mati	0	0	0
Anak lelaki 2	14			1344	RM1,750
Anak perempuan	7			672	RM 875

		Isteri	24	168	RM218.75
		AL	34	238	RM309.89
		AL	34	238	RM309.89
		AL	34	238	RM309.89
		AP	17	119	RM154.95
		AP	17	119	RM154.95

Mengikut pengiraan di atas cucu perempuan peneroka asal berhak menerima sebanyak RM154.95 setiap orang dan bahagian mereka mesti diberikan.

Persoalan yang perlu difikirkan bersama sampai bila pentadbir mengurus dan membahagikan hasil ini kepada waris-waris yang berhak. Bagaimana sekiranya pentadbir tidak menjalankan tugasnya dengan amanah? Bagaimana sekiranya waris mati lepas seorang seorang? Dan bagaimana kesudahannya generasi yang berikutnya.

## **6. CADANGAN**

6.1. Melihat kepada empat institusi yang mempunyai bidangkuasa yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka telah menyebabkan kekeliruan di kalangan masyarakat, adalah dicadangkan supaya bidangkuasa empat institusi ini disatukan dan pengurusan harta pusaka diletakkan di bawah satu bumbung.

Keadaan di mana waris terpaksa berulang alik ke Unit Pembahagian Pusaka, kemudian ke Mahkamah Syariah dan kemudian kembali semula ke Unit Pembahagian Pusaka atau adakalanya terpaksa berurusan pula dengan Mahkamah Tinggi Sivil sepatutnya dapat dielakkan dengan meletakkan pengurusan harta pusaka di bawah satu pengurusan yang di satukan.

Memandangkan pengurusan harta pusaka orang Islam adalah merupakan kombinasi dua undang-undang utama iaitu undang-undang tanah dan Hukum Faraid di samping undang-undang dan hukum syarak sampingan yang lain

seperti Akta Kontrek, Akta Pemegang Amanah , hukum wasiat dan hibah, sewajarnya satu bentuk institusi yang unik perlu diwujudkan yang mana mampu menguruskan kesemua permasalahan yang berbangkit berkaitan pembahagian harta pusaka. Institusi yang dicadangkan ialah sebuah **MAHKAMAH PUSAKA**. Mahkamah ini bukan sahaja menyelesaikan harta pusaka orang Islam bahkan juga pusaka orang bukan Islam. Iaitu satu institusi kehakiman yang berkemampuan menyelesaikan kes-kes berkaitan undang-undang sivil dan hukum syarak. Ia merupakan sebuah institusi unik yang melambangkan perkongsian kuasa antara hakim sivil dan hakim syarie.

6.2 Undang-undang utama untuk membahagikan harta pusaka ialah Hukum Faraid. Tanpa satu statut yang khusus mengenainya boleh membawa kepada kecelaruan dalam mengguna pakai kaedah pembahagian. Oleh itu dicadangkan satu **Akta Faraid** diwujudkan segera untuk panduan semua pihak yang terlibat dalam urusan pembahagian harta pusaka dan yang pentingnya untuk mewujudkan keseragaman dalam tindakan.

6.3 Oleh kerana hukum hibah memberi kesan langsung kepada pembahagian harta pusaka, agar masyarakat tidak terkeliru dan sebagai usaha menyeragamkan tindakan, samada sesuatu hibah yang dibuat itu sah atau tidak, adalah dicadangkan satu **Akta Hibah** digubal segera.

6.4 Harta sepencarian juga mempengaruhi pembahagian pusaka. Bagi memudahkan urusan tuntutan harta sepencarian, dicadangkan perlu ada satu peraturan khusus untuk dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat.

6.4 Wasiat juga mempengaruhi pembahagian pusaka kerana sesuatu harta pusaka tidak boleh difaraidkan kecuali setelah wasiat si mati dilaksanakan. Adalah menjadi kesukaran kepada institusi yang terlibat dengan urusan pembahagian pusaka terutamanya Unit Pembahagian Pusaka dan Mahkamah Syariah untuk memutuskan hukum wasiat kerana pemakaian Enakmen Wasiat

hanya di tiga buah negeri sahaja. Untuk melambangkan keseragaman tindakan oleh seluruh umat Islam **Akta Wasiat** perlu diperkenalkan dan bagi negeri-negeri pula seharusnya menerima pakai atau mencontohi akta tersebut untuk digubal di dalam enakmen wasiat masing-masing.

6.5 **Wasiat Wajibah** tidak popular di kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan mekanisma pelaksanaannya tidak boleh dirujuk di dalam kitab-kitab fikah mazhab Syafie. Sekiranya dilaksanakan, masyarakat sepatutnya diberi penjelasan yang sewajarnya dan dibincangkan di mana-mana kerana pelaksanaannya akan memberi kesan kepada kaedah pembahagian bahkan berlainan dengan kaedah yang dipelajari selama ini di dalam kitab-kitab faraid. Saya mencadangkan peruntukan berkaitan wasiat wajibah dikaji semula.

6.6 Seksyen 26 (2), Enakmen Wasiat perlu disemak semula. Jika digandingkan dengan Seksyen 26 (1), saya percaya terdapat ketinggalan dua perkataan di dalam ayat tersebut ketika enakmen dicetak.

6.7 Pelarasan perlu dibuat ke atas perintah anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dengan memperuntukkan bahawa anggapan kematian tersebut adalah bagi maksud berkahwin lain dan menuntut harta pusaka. Dengan peruntukan tersebut membolehkan Unit Pembahagian Pusaka menerima pakai perintah itu sebagai bukti kematian. Di samping itu tempoh seseorang itu hilang juga perlu diseragamkan untuk mengelakkan berlaku kekeliruan ketika melaksanakan hukum syarak.

6.8 Senario pewarisan oleh generasi kedua, ketiga dan seterusnya tanah peneroka FELDA perlu dibuat kajian. Apakah memadai dengan lantikan pentadbir atau Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 dikaji semula.

- 
- <sup>1</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (Dr.), t.t. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juzuk 8, Dar al-Fikr, hlm. 358-359.
- <sup>2</sup> Mohd Ridzuan bin Awang, Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, tajuk: Pengurusan Harta Orang Islam Di Malaysia: Isu Undang-undang Dan Penyelesaian, hlm. 437.
- <sup>3</sup> Al-Husaini, al-Imam Taqiuddin Abi Bakr bin Muhammad, t.t. *Kifayah al-Akhyar*. Juzuk 2, Beirut : Dar al- Fikr, hlm. 17.
- <sup>4</sup> Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Kaedah-Kaedah 1987, Seksyen 53.
- <sup>5</sup> Wan Abdul Halim bin Wan harun, Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka, 2006, Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 32-34.